

**Bajet 2013 Perlu Menetapkan Penekanan Khas Kepada Pengguna, Perbankan Islam, Kata AIBIM  
Bernama  
6 September, 2012**

KUALA LUMPUR, 6 Sept (Bernama) -- Persatuan Institusi Perbankan Islam Malaysia (AIBIM) menjangka Bajet 2013 akan datang sebagai baik dengan memberikan penekanan pada pengguna.

Presidennya, Datuk Mohd Redza Shah Abdul Wahid berkata bajet akan datang itu akan memberikan penekanan jelas pada bidang utama industri, khususnya industri perbankan Islam.

"Kerajaan sangat berminat meneruskan promosi perbankan Islam. Saya rasa pakej insentif akan turut ditawarkan," katanya kepada pemberita selepas majlis menandatangani satu Memorandum Persefahaman (MoU) antara Bank Muamalat, Cuepacs dan Kelab Pesara Kerajaan Malaysia (KUPEKMAS) di sini Khamis.

Di bawah MoU itu, Bank Muamalat akan bertanggung jawab bagi menyediakan tip dan garis panduan mengenai pelaburan seperti pengurusan kewangan kepada warga kerja kerajaan, terutama sekali kumpulan sokongan.

Selain itu, Mohd Redza Shah berkata AIBIM mahu melihat insentif berterusan diberikan terhadap transaksi tertentu berkaitan perbankan Islam.

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak, yang juga Menteri Kewangan, akan membentangkan Bajet 2013 di Parlimen pada 28 Sept.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=692620>